

LAWATAN UTP KE DQ

DQ telah menerima lawatan pertama di tahun 2019 apabila dikunjungi oleh lima orang pegawai dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) Tronoh, Perak pada petang 9 Januari 2019. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan kerjasama akademik yang boleh dijalankan antara kedua belah pihak.

Dr. Haji Nordin Ahmad selaku Pengarah Darul Quran telah mempengerusikan perbincangan ini. Agenda perbincangan dimulakan dengan sesi taaruf, tayangan video korporat DQ serta sesi taklimat berkenaan Darul Quran yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Ustaz Mohd Aishamudin Samsungei.

Delegasi UTP telah disertai oleh Pengarah Unit Pengurusan Zakat & Wakaf UTP, Tuan Haji Mohamed Noor Rosli yang turut bertindak selaku ketua delegasi, Ustaz Ridhauddin M Salleh, Pensyarah Asasi UTP, Ustaz Fizree Zubir, Pegawai Pusat Islam serta dua orang lagi pegawai dari Unit Pengurusan Zakat & Wakaf UTP. Lawatan ini berakhir selepas sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar. Pegawai-pegawai kanan DQ yang turut hadir dalam lawatan ini ialah Pendaftar, KPP Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, KPP Pengajian dan KJ Pengajian Tahfiz Al-Quran.



AHLI LEMBAGA DQ BERSIDANG BAGI KALI KE-35

Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-35 telah bersidang pada 10 Januari 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Mohamad Nordin Ibrahim yang merangkap sebagai Pengerusi Lembaga Darul Quran.

Dalam ucapan aluannya, Datuk Pengerusi turut merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan tahniah atas perantikan beberapa orang Ahli Lembaga DQ yang baru iaitu Dato' Haji Makhzan Mahyuddin, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM bagi menggantikan Encik Masri Razali yang telah bertukar ke JPA, Prof. Datin Dr. Raihanah Haji Abdullah yang telah dilantik sebagai Pengarah Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya bagi menggantikan Prof. Dato' Dr. Zulkifle Mohd Yusuf serta Dato' Dr. Zulkapli Mohamed, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan JPA yang menggantikan Datuk Dr. Roslina Ahmad Mukhtar yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) pada 22 Oktober 2018.

Mesyuarat Lembaga pada kali ini telah membahaskan lapan kertas cadangan dan dua daripadanya adalah dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) serta Management And Science University (MSU) berkaitan permohonan bagi menawarkan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran.

Ahli-ahli Lembaga DQ yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini ialah Dato' Paimuzi Yahya, Puan Hajah Hakimah Mohd Yusoff, Tuan Ramzi Osman, S.S Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Prof. Dato' Dr. Sidek Baba, Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, Dato' Dr. Zulkapli Mohamed, Tuan Haji Hassan Nudin A.Hamid, Prof Madya Dr. Haslina Hassan, Dr. Khader Ahmad dan Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin Ahmad selaku Setiausaha.

Jutaan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga yang hadir serta memberi sumbangan dan pandangan yang baik demi memastikan kelangsungan institusi tahfiz terutamanya Darul Quran terus berada di persada perdana.



LAWATAN MAHABBAH KE SEKOLAH TAHFIZ HARAPAN

Dalam usaha memastikan agar Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) mencapai matlamatnya, Darul Quran JAKIM telah mengadakan lawatan mahabbah ke Sekolah Menengah Tahfiz Harapan, Jenjarom Selangor pada 30 Januari 2019. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk menjadikan Sekolah Menengah Tahfiz Harapan sebagai rakan strategik DQ di samping menjadi penanda aras bagi sekolah-sekolah tahfiz swasta yang lain.

Pengarah DQ, Dr. Nordin Ahmad telah bertindak selaku ketua delegasi bersama-sama dengan enam orang pegawai DQ yang lain. Sementara di pihak tuan rumah telah diketuai oleh Pengetua Sekolah Menengah Tahfiz Harapan sendiri iaitu Ustaz Mohamad Rafie Wagimin. Agenda lawatan ini telah dimulakan dengan sesi perbincangan antara kedua belah pihak. Penolong Pengarah Kanan Unit Mu'adalah & Akreditasi DQ, Ustaz Mohamad Zaki Abd Rahman telah memberikan taklimat ringkas berkenaan prasyarat kerjasama antara DQ dengan institusi-institusi swasta. Topik perbincangan adalah sekitar kurikulum yang digunakan oleh sekolah, guru-guru, jadual pembelajaran pelajar, prasarana yang terdapat di sekolah dan berkenaan sumber kewangan sekolah.

Selepas sesi perbincangan, delegasi DQ telah dibawa melawat sekitar kawasan sekolah. Bermula dari ruang pejabat, bilik guru, kelas, kantin, asrama, padang permainan dan musolla. Lawatan ini berakhir selepas sesi penyampaian cenderamata dan jamuan.



HARI HUFFAZ SELANGKAH KE MENARA GADING 2019

Buat julung-julung kalinya, Unit Alumni & Dewan Huffaz Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran telah menganjurkan program Hari Huffaz Selangkah Ke Menara Gading 2019. Program yang diadakan pada 31 Januari 2019 ini telah menghimpunkan 11 institut pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh Malaysia. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada semua pelajar DQ serta Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) khususnya pelajar Semester Akhir Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat bagi menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Program Hari Huffaz Selangkah Ke Menara Gading 2019 ini telah dimulakan dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik DQ, Haji Salahuddin Haji Ghozali yang mewakili Pengarah. Haji Salahuddin juga telah sudi menyampaikan cenderamata kepada wakil-wakil setiap IPT yang hadir.

Selepas majlis perasmian, wakil-wakil setiap IPT diberi peruntukan masa sekitar 15 minit untuk memberikan taklimat berkenaan universiti masing-masing. Antara agenda lain yang diadakan dalam program ini ialah pameran dan promosi IPT serta food truck. 11 buah IPT yang mengambil bahagian dalam program ini ialah dari Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah (UniSHAMS) dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).





MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT TAHUN 2019/1440

Seramai 243 orang pelajar semester enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat daripada kesemua syukbah pengajian telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Tahun 2019/1440. Majlis yang diadakan di Dewan Mukhtamar pada 9 Februari 2019 ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Paimuzi Yahya yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh 141 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh para pensyarah tasmi' Darul Quran iaitu Ustaz Ibrahim Abdullah, Ustaz Syekh Mujahid Sikh Nawawi dan Ustaz Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim.

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin Bin Ahmad dan ucapan perasmian daripada Dato' Paimuzi. Dalam ucapan perasmiannya beliau telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran kerana berjaya mengekalkan tradisi dengan penganjuran majlis khatam ini. Majlis yang bersejarah ini diadakan sebagai pengiktirafan Darul Quran kepada para pelajar yang telah bertungkus lumus mangkhatamkan hafazan 30 juzu'.

Menurut beliau: *"Kalaulah boleh saya umpamakan, pendidikan tahfiz di Malaysia pada hari ini adalah ibarat 'lombong emas'. Pada masa sekarang ia menawarkan pulangan yang menarik sekaligus menjamin masa depan yang cerah. Justeru, tidak hairanlah perkembangan program menghafaz al-Quran semakin menjadi tarikan pelbagai pihak daripada peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi. Pendidikan tahfiz hari ini bukan sahaja dijalankan di sekolah rendah, malah pada peringkat pra sekolah lagi ia sudah mula diperkenalkan oleh beberapa pihak."*

"Yang menjadi isunya di sini, bagaimana hendak memastikan bahawa pendidikan tahfiz ini kekal menjadi "lombong emas" dan para huffaz yang dikeluarkan dari "lombong emas" ini kekal menjadi "emas" yang bernilai serta tidak akan pernah susut harganya?", kata beliau lagi. Selain itu, beliau juga menasihatkan agar para pelajar memantapkan diri dengan al-Quran secara berterusan dan istiqamah di samping penguasaan bidang-bidang ilmu yang lain.

Dato' Paimuzi yang diiringi oleh Dr. Haji Nordin telah menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang Hafazan Al-Quran kepada saudara Mohamad Syahmi Suhaimi dan saudari Athirah Salihah Al-Azmi. Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik pula telah dinobatkan kepada saudara Wan Amirul Mukmin Wan Zaruzi dan saudari Siti Humaira' Mohd Saufi. Sementara Ustaz Mohd Faisal Mohd Fauzi dan Ustaz Ibrahim Abdullah telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang. Selain tiga anugerah tersebut, anugerah-anugerah lain yang turut disampaikan ialah Anugerah Khas kepada saudara Ahmad Luqman Ahmad Zaini, saudara Syabeel Zulkifli, saudara Ahmad Faizul Hafiz Johari, saudara Muhammad Anwar Roslan, saudari Nurshamila Sofea Muzammil, saudari Nurul Thaqifah Mat Arop, saudari Nur Najiha Lana Azmi dan saudari Mutimmah Faidah Muhi. Anugerah Khas ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah mengharumkan nama Darul Quran di persada antarabangsa serta kepada pelajar-pelajar yang berjaya mengkhatamkan al-Quran secara hafazan lebih daripada sekali.

Dato' Paimuzi juga turut menyampaikan sijil-sijil khatam kepada 243 orang pelajar yang diraikan pada hari ini. Turut hadir dalam majlis pada hari ini ialah Yang Di Muliakan Engku Orang Kaya Mahabijaya Hulu Selangor Raja Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor.







PERHIMPUNAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN DQ BERSAMA PENGARAH

Pada 18 Mac 2019, telah diadakan suatu perhimpunan pegawai dan kakitangan Darul Quran bersama Pengarah, Dr. Haji Nordin Ahmad. Perhimpunan yang diadakan pada jam 9:30 pagi ini telah diadakan di Auditorium Sheikh Mohd Noor. Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku, Lagu Jakim dan Lagu Darul Quran sebaik ketibaan Pengarah. Slot seterusnya ialah tayangan slide berkenaan pegawai-pegawai yang bertukar keluar dan pegawai-pegawai yang masuk ke Darul Quran serta slide program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 sehingga Mac 2019. Selepas itu, agenda perhimpunan diteruskan dengan bacaan ikrar penjawat awam yang diketuai oleh Ustaz Mohd Razlan Mohd Bakri.

Dua agenda utama dalam perhimpunan ini ialah ucapan aluan yang disampaikan oleh Pendaftar, Encik Azizuddin Mohd Hashim. Topik ucapan beliau adalah berkenaan dengan program-program yang akan diadakan oleh DQ, perjawatan baharu di DQ, sistem waktu bekerja fleksi (WBF) dan keadaan terkini kewangan DQ. Acara kemuncak perhimpunan pula ialah sesi penyampaian amanat oleh Pengarah. Dalam ucapannya, beliau telah membahaskan tentang tiga komponen penting dalam usaha menjadi seorang kakitangan awam yang berwibawa iaitu *attitude* (sikap), *knowledge* (pengetahuan) dan *skills* (kemahiran).

Dalam majlis perhimpunan ini juga turut diadakan penyampaian watakah pelantikan kepada semua jurulatih bagi acara-acara yang akan dipertandingkan dalam Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan Julai 2019.





938 CALON HADIRI TEMUDUGA DQ

Temuduga Pengambilan Pelajar Baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM Sesi 2019/2022

Seramai 938 orang calon pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM bagi sesi pengajian 2019-2022 telah menghadiri sesi temuduga yang dijalankan pada 1 hingga 8 April 2019. Calon-calon ini ditemuduga bagi mengisi kuota kemasukan pelajar semester satu yang akan mendaftar pada 30 April 2019. Bagi sesi kemasukan kali ini, DQ telah menerima seramai 2,868 permohonan dan calon yang disenarai pendek untuk ke sesi temuduga adalah seramai 1,417 orang.

Sesi temuduga DQ dijalankan di tiga pusat temuduga di seluruh Malaysia iaitu di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Kuching dan di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) Sabah, Kota Kinabalu. Bagi calon-calon pelajar luar negara pula diadakan di Brunei, Kemboja, Singapura, Thailand dan Indonesia.

Antara aspek yang dinilai untuk kemasukan ke program ini selain kelayakan SPM ialah syarat umur, tahap kesihatan, lulus ujian bertulis Bahasa Arab dan Tajwid serta lulus sesi temuduga. Selain itu, kelayakan khas turut diberikan kepada pelajar OKU Penglihatan dengan syarat berikut:

- i. Lulus mata pelajaran Bahasa Arab dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekurang-kurangnya mendapat Gred 'C' sebelum tamat pengajian Diploma/graduasi; dan
- ii. Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Maqbul dalam Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran/Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran bagi OKUMP.





135 HUFFAZ PROFESIONAL DIRAI DALAM MAJLIS KHATAM HAFAZAN

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Pensijilan Tahfiz Tahun 2019/1440

Seramai 135 orang pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan yang diadakan pada 13 April 2019 bertempat di Dewan Mukhtamar Darul Quran. Majlis yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim ini merupakan program kedua terbesar bagi para pelajar selepas Majlis Istiadat Konvokesyen.

Daripada jumlah 135 orang pelajar keseluruhan yang diraikan ini, 108 orang pelajar adalah dari Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM, 24 orang pelajar dari Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN dan tiga orang pelajar dari Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-CUCMS. 135 orang pelajar ini bukan hanya telah berjaya menghafaz 30 juzu' al-Quran semata-mata tetapi telah lulus dalam semua peperiksaan Hifz Al-Quran sejak dari Semester Satu lagi.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh 75 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh para pensyarah tasmi' Darul Quran iaitu Imam Muda Megat Mohd Zaid Azmuddin, Ustaz Muhammad Izzat Naqib Mohd Yusoop dan Ustaz Muhammad Ashraf Ehtesham Yunus.

Dalam majlis ini, tujuh orang pelajar telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang mengikut institusi masing-masing iaitu Saudara Muhammad Hannan Kadir dari CUCMS, Saudara Muhammad Hafidz Zainul Asri, Saudari Wan Hannani Wan Mahmood, Saudara Muhammad Fathul Aiman Abdul Rahim dan Saudara Nuhammad Meerza Md Zaidi dari UNITEN. Sementara Muhammad Aysraf Norazmi serta Saudari Wan Maisarah Wan A. Halim merupakan penerima dari Anugerah Pelajar Cemerlang dari Program JAKIM-IIUM.

Anugerah-anugerah lain yang disampaikan dalam majlis ini ialah:

- Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang kategori Kelas Banin = Ustaz Muhammad Ashraf Ehtesham Yunus.
- Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang kategori Kelas Banat = Ustazah Jamilatun Muda.
- Anugerah Penulisan al-Quran Terbaik JAKIM-UNITEN = Saudara Muhammad Hakimi Mohd Raduan dan Saudari Huda Ahmad Hamdan.

- Anugerah Penulisan al-Quran Terbaik JAKIM-IIUM = Saudara Muhammad Aiman Danial Mazlan dan Saudari A'tif Hanani binti Mohd Lutfi.
- Anugerah Khas = Saudara Muaz Mohd Radzi, Saudara Muhammad Syahid Haikal Shahrudin dan Saudari Wan Raihanah Wan Ahmad Nazri.





© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ



© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ



© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ



© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ

13 INSTITUSI TAHFIZ BERSIDANG, 18 KERTAS DIBAHAS, 10 RESOLUSI DICAPAI

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan Kali Ke-36

35 orang wakil dari Darul Quran serta 12 institusi tahfiz seluruh Malaysia telah selesai bersidang dalam Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan Kali Ke-36. Persidangan yang diadakan pada 18 April 2019 ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Abu Bakar, Blok Akademik A, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin Ahmad dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM, Hajah Hakimah Mohd Yusoff yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Sebanyak tujuh kertas cadangan, 10 kertas makluman dan satu kertas laporan telah dibentang dan dibahaskan dalam persidangan kali ini. Dalam persidangan kali ke-36 ini juga, telah diputuskan bahawa istilah MTQN (Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri) kepada 10 buah institusi tahfiz yang bekerjasama dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah ditukar kepada LTDQ (Lokasi Tambahan Darul Quran).

Kesepuluh resolusi yang dicapai telah dibacakan oleh Ketua Unit Piawaian DQ, Ustaz Mohamad Rahim Mohammed Abdul Rahman dan disampaikan kepada Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM dalam majlis perasmian. *“InsyaAllah resolusi yang telahpun diserahkan kepada saya tadi akan saya sampaikan kepada Yang Berbahagia Ketua Pengarah (JAKIM) dan kita akan lihat di peringkat pengurusan tertinggi JAKIM resolusi yang boleh kita realisasikan, kita akan sentiasa menyokong supaya perkembangan pendidikan tahfiz ini dapat diteruskan dengan penuh kecemerlangan, insyaAllah,”* kata Hajah Hakimah.

Turut hadir dalam majlis perasmian persidangan kali ini ialah Pengarah Kanan ILIM, Hajah Zawanah Muhammad. LTDQ Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) telah diputus untuk menjadi tuan rumah persidangan bagi kali ke-37.





© Unit Dokumentasi & Penerbitan

223 BAKAL HUFFAZ DQ MENDAFTAR PAGI TADI

Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM Sesi 2019/2022

Seramai 132 orang pelajar banin dan 91 orang pelajar banat telah mendaftar sebagai pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat bagi sesi pengajian 2019/2022. Para pelajar ini turut dirai dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu yang diadakan pada 30 April 2019. Majlis yang diadakan di Dewan Mukhtar Darul Quran ini telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin Ahmad.

“Saya merakamkan ucapan sekalung tahniah kepada semua pelajar-pelajar baharu yang telah terpilih untuk mengikuti pengajian di Darul Quran ini. Di kesempatan ini saya ingin menyeru kepada saudara-saudari yang terpilih agar sentiasa mensyukuri nikmat dan peluang yang dikurniakan oleh Allah SWT, di mana dengan rahmatNya yang tidak terhingga, saudara-saudari diberi peluang untuk mendalami bidang al-Quran di bumi barakah Darul Quran JAKIM,” kata beliau dalam ucapan perasmiannya.

Menurut beliau lagi, *“pendidikan tahfiz amat berbeza dengan pembelajaran dalam bidang-bidang pengajian yang lain. Pelajar yang belajar dalam bidang tahfiz perlu memberikan komitmen pembelajaran hampir sekali ganda daripada pelajar-pelajar bukan daripada bidang tahfiz. Ini kerana setiap hari pelajar tahfiz perlu memperuntukkan masa khas hampir empat ke lima jam untuk assignment atau tugas menghafaz, mengulang serta menulis al-Quran.”*

“Setiap semester para pelajar wajib menamatkan muqarrar atau sukatan hafazan sekitar lima ke enam juzu’ sebelum dibenarkan untuk menduduki peperiksaan Hifz Al-Quran Syafawi (Lisan) dan Hifz Al-Quran Tahriri (Tulisan) di samping peratus kehadiran 85% dan ke atas. Sekiranya pelajar telah berjaya menamatkan muqarrar semester tersebut serta mencapai peratus kehadiran yang memuaskan, saudara-saudari diwajibkan pula lulus peperiksaan Hifz Al-Quran Syafawi dan Hifz Al-Quran Tahriri dengan mendapat sekurang-kurangnya markah lulus 55%.”

“Melihat kepada bebanan ini, tidak ada ruang sebenarnya untuk saudara-saudari bersikap lalai. Sehari masa dibazirkan tanpa aktiviti menghafaz, mengulang serta menulis al-Quran, saudara-saudari boleh berdepan dengan risiko kegagalan.”

“Inilah yang membezakan antara Darul Quran dengan institusi-institusi pendidikan yang lain. Atas faktor ini jugalah pemilihan para pelajar adalah amat ketat. Para pelajar bukan semata-mata dinilai melalui aspek kualiti akademik tetapi turut dinilai dari sudut kemampuan bacaan dan hafazan al-Quran yang baik, berakhlak mulia, termasuk mempunyai tahap kesihatan yang baik,” kata beliau.

Majlis sambutan ini bermula seawal jam 8:00 pagi dengan sesi pendaftaran serta Amanat Huffaz yang disampaikan oleh Dr. Hayati Hussin, Pensyarah USIM merangkap alumni DQ 1998-2001. Majlis berakhir selepas bacaan ikrar oleh pelajar baharu serta sesi penyerahan pelajar oleh ibu bapa kepada DQ sebagai suatu simbolik yang menunjukkan bahawa ibu bapa menyerahkan amanah untuk DQ membimbing serta mendidik anak-anak mereka.

Pada tahun ini, DQ telah menerima sebanyak 2,868 jumlah permohonan dengan 1,417 orang calon yang disenarai pendek layak ditemuduga. Seramai 938 orang calon pula telah menghadiri sesi temuduga yang dijalankan selama enam hari bermula 1 hingga 8 April 2019 dengan kuota maksimum pelajar hanyalah seramai 250 orang pelajar sahaja.

Bagi sesi kali ini juga, tiga orang pelajar dari Program Sijil Asas Tahfiz telah berjaya diserap ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Program Sijil Asas Tahfiz ini seumpama program asasi atau program peralihan bagi membantu beberapa golongan sasaran untuk menghafaz al-Quran. Antaranya kategori pelajar OKU Penglihatan, kategori “saudara baharu” atau muallaf serta etnik pribumi Sabah dan Sarawak. Tiga orang pelajar tersebut ialah saudara Tan Mike Foong daripada kategori “saudara baharu” serta OKU Penglihatan, saudari Nur Shafina Ros Azizi daripada kategori OKU Penglihatan dan saudari Analin Mohd Abdullah daripada etnik Kagayan, Sabah. Ketika di Program Sijil Asas Tahfiz, mereka telah berjaya menghafaz 10 juzu’ al-Quran.



© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ



© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ





MAJLIS KHATAM TADARUS DAN IFTAR PERDANA 2019

Darul Quran JAKIM telah mengadakan Majlis Khatam Tadarus Dan Iftar Perdana Tahun 2019 di Pusat Islam pada 30 Mei 2019. Seramai kira-kira 1,000 orang yang hadir ke majlis ini terdiri daripada dif-dif jemputan, kakitangan Darul Quran serta keluarga serta pelajar-pelajar Darul Quran.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Kuala Kubu Bharu, Tuan Haji Musa bin Ranli. Beliau yang dalam ucapannya memuji usaha Darul Quran meneruskan program-program yang menghidupkan Ramadan pada tahun ini di samping program-program memasyarakatkan Darul Quran kepada masyarakat awam seperti memenuhi jemputan-jemputan imam-imam tarawih, tazkirah, ceramah dan sebagainya.

“Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran di atas usahanya meninggikan syiar Ramadan pada tahun ini. Program-program seperti tadarus, pertandingan hafazan, iftar jamaie dan sebagainya ini amat bertepatan dengan aspirasi syariat Islam. Oleh itu, program sebegini wajar diteruskan pada masa akan datang terutama program-program yang memasyarakatkan Darul Quran. Mudah-mudahan dengan usaha-usaha yang kita laksanakan ini, akan memantapkan lagi masyarakat Islam di Malaysia seterusnya memartabatkan Islam dalam Negara,” kata beliau.

Agenda Majlis Khatam Tadarus Dan Iftar Perdana pada tahun ini dimulakan dengan World Quran Hour serta Majlis Khatam Tadarus al-Quran yang telah ditakhtimkan oleh pelajar-pelajar Darul Quran dengan bimbingan Ustaz Mohd Fakhurrazi Abdullah, Pensyarah Tarannum Darul Quran. Selain itu, turut diadakan penyampaian sumbangan kepada pelajar-pelajar terpilih dan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Hafazan al-Quran Kategori 1-30 Juzu' Ihya' Ramadhan. Saringan Pertandingan Hafazan al-Quran Kategori 1-30 Juzu' Ihya' Ramadhan ini telah diadakan pada 15-17 Mei 2019 selepas Solat Tarawih dan pertandingan akhir telah diadakan pada 27 Mei 2019 selepas kelas tasmi'.

Hadiah-hadiah pertandingan ini telah disumbangkan oleh Dato' Paduka Haji Ramly bin Mokni, Pengasas Ramly Burger, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan. Hadiah yang ditawarkan untuk kedua-dua kategori banin dan banat ialah:

- Tempat pertama : Pakej Umrah bernilai RM6,000
- Tempat kedua : Wang tunai RM1,000
- Tempat ketiga : Wang tunai RM500

- Saguhati : RM50





PELAJAR BAHARU DQ DIRAI

Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2019/2020 & Program Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Pengurusan Masjid Sesi Jun 2019

18 Jun 2019, Darul Quran JAKIM dengan jayanya telah meraikan seramai 77 orang pelajar baharu bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi Pengajian 2019/2020 dan 20 perantis baharu bagi Program Sijil Kemahiran (SKM) Bidang Pengurusan Masjid Sesi Jun 2019. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah, Dr. Haji Nordin Ahmad di Dewan Mukhtamar Darul Quran.

“Belajar di Darul Quran ini memerlukan kepada komitmen yang tinggi dan disiplin yang kuat. Justeru, pelajar perlu kepada emosi dan ketahanan yang tinggi kerana setiap hari para pelajar DQ perlu memperuntukkan masa lebih lima ke enam jam untuk hafazan al-Quran”, kata beliau dalam ucapan perasmiannya.

Majlis ini turut dihadiri oleh Dekan Pusat Asasi International Islamic University Malaysia (IIUM) Ustaz Murshid Kassim, Pengarah Academic Management And Admission Division International Islamic University Malaysia (IIUM), Profesor Madya Dr. Ghairuzazmi Mat Ghani dan Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ustaz Mohd. Ayob Wari. Seramai lebih kurang 300 orang termasuk tetamu terhormat, pegawai-pegawai kanan Darul Quran, pensyarah Darul Quran dan ibu bapa menyertai majlis ini.

Majlis berakhir dengan bacaan ikrar oleh pelajar baharu dan acara turun-temurun dalam majlis pendaftaran iaitu sesi penyerahan pelajar oleh ibu bapa kepada Darul Quran. Ini adalah sebagai satu simbolik penyerahan amanah kepada Darul Quran supaya membimbing dan mendidik anak-anak didik ini. Para pelajar baharu juga turut dihadihkan dengan Mushaf Terjemahan Haramain Karya Bestari setiap seorang.

Syabas dan tahniah!



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019 DARUL QURAN JAKIM

Segak berbaju melayu, ayu bersongket kebaya
Indah bahasa, mulialah tutur
DQ mengucapkan, Selamat Hari Raya
Maaf dipinta, tangan dihulur

25 Jun 2019, Dewan Mukhtamar Darul Quran menjadi pilihan laman bagi sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri. Majlis Raya ini meraikan semua warga Darul Quran termasuk para pelajar. Sopan berbaju raya, redup mata memandang.

Majlis dimulakan dengan ucapan Yang Di-Pertua Persatuan Kebajikan Pelajar Maahad Tahfiz Darul Quran (PERKEMAT). Majlis juga turut mendengarkan ucapan daripada ayahanda pelajar, Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Pengarah Darul Quran.

Pelajar-pelajar dirai dengan pelbagai juadah Hari Raya Aidilfitri. Sebanyak sepuluh buah reruai disediakan dengan pelbagai makanan istimewa seperti sate, lemang serta rendang, nasi beriyani, laksa, kuih-muih dan sebagainya. Majlis juga dihiasi dengan alunan nasyid dan persembahan daripada pelajar-pelajar Darul Quran JAKIM.

Berlabuh sudah tirai Ramadan,
Syawal pula datang berganti,
Salam lebaran kami ucapkan,
Moga kesalahan hilang di hati.

Selamat Hari Raya,
Maaf Zahir Batin.





© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ



© Unit Dokumentasi & Penerbitan DQ

BENGGEL PENYEDIAAN SURAT RASMI KERAJAAN

27 Jun 2019 - Pentadbiran pejabat kerajaan sering diuruskan melalui rekod bertulis dan surat-menyurat sebagai satu aspek komunikasi dua hala dalam setiap perkhidmatan yang dilaksanakan. Urusan ini tidak dapat digantikan dengan bentuk komunikasi terkini seperti khidmat pesanan ringkas (sms) atau emel.

Urusan surat-menyurat dan memo di dalam urus tadbir kerajaan khususnya, perlu memenuhi beberapa syarat tertentu bagi menjadikannya sebuah dokumen rasmi yang memenuhi tujuan penulisannya di samping menjaga imej baik perkhidmatan awam. Justeru, bengkel atau kursus ini diadakan bagi memberi pengetahuan dan pemahaman kepada pegawai-pegawai Darul Quran JAKIM mengenai tatacara untuk menghasilkan surat rasmi dan memo yang berkualiti dalam setiap urusan rasmi kerajaan.

Objektif bengkel adalah:

- (a) Memberikan maklumat tepat mengenai format surat rasmi yang betul mengikut amalan semasa kerajaan;
- (b) Menggunakan laras bahasa yang sesuai dan tepat bagi tujuan penulisan surat rasmi;
- (c) Mengenalpasti kesalahan yang biasa dilakukan dalam penulisan surat rasmi kerajaan; dan
- (d) Menerangkan sumber rujukan yang sahih bagi menghasilkan surat rasmi kerajaan.

Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Mohamad Ikhwan Al Syahid bin Abdullah Tahir, Perunding Latihan, Kluster Pembangunan Profesional dan Etika, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara.




SEMINAR CELIK HADITH KONTEMPORARI 2019

4 Julai 2019 – Era perkembangan dunia teknologi komunikasi sekarang ini, masyarakat terdedah dengan ledakan maklumat daripada pelbagai cabang perantara. Sumber berita dan kesahihan mengenai tulisan yang disebarkan adakalanya sangat meragukan. Tidak terkecuali tulisan-tulisan yang tular mengandungi hadith-hadith Nabi Sallahu 'Alaihi Wasallam. Sebahagian besar yang dirujuk, ia adalah hadith palsu yang disertakan sebagai dalil.

Menyedari kedudukan hadith sebagai sumber kedua syariat Islam selain peranannya sebagai wadah penjelasan kepada al-Quran, Unit Regulatori Hadith, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Darul Quran mengambil inisiatif proaktif dengan mengadakan Seminar Celik Hadith Kontemporari 2019 di Dewan Muktamar Darul Quran.

Seminar sehari ini dirasmikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri, Tuan Haji Mohd Nawardi bin Saad selepas kata alu-aluan daripada Ustaz Safuan bin Hassan, Ketua Jabatan Usuluddin Darul Quran yang mewakili Pengarah.

Sebanyak tiga kertas pembentangan dibentangkan oleh pakar hadith iaitu Dr Udah bin Mohsin, Prof Madya Dr Ahamad Asmadi bin Sakat dan Dr. Muhammad Hapizi bin Sulaiman. Di hujung seminar, sebuah sesi dijadualkan untuk menguji kefahaman peserta dalam memahami ilmu hadith dengan mengadakan *explorace* mengenai ilmu hadith.







MSU JADI IPT KEENAM MENANDATANGANI MOU DENGAN DQ

Management and Science University (MSU) menjadi institut pengajian tinggi keenam yang menandatangani memorandum persefahaman dengan Darul Quran JAKIM dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz (program tahfiz profesional). Majlis menandatangani MoU yang telah diadakan pada 16 Julai 2019 ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim bagi mewakili JAKIM dan Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid.

Datuk Mohamad Nordin dalam ucapannya menyatakan, *“semenjak bermula pelaksanaan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran pada tahun 2000, JAKIM melalui DQ amat komited dalam melahirkan golongan huffaz profesional, sesuai dengan kehendak dan keperluan ummah serta Negara. Ini selaras dengan aspirasi Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN)*

yang menggariskan empat model kurikulum tahfiz iaitu Tahfiz Turath, Tahfiz Dini, Tahfiz Sains atau Tahfiz Profesional serta Tahfiz TVET (Technical and Vocational Education and Training atau dalam Bahasa Melayunya disebut Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional).”

Antara aspek kerjasama yang disepakati dalam perjanjian persefahaman ini melibatkan urusan berkaitan kemasukan pelajar, urusan hal ehwal akademik, pembiayaan, peperiksaan, penganugerahan Sijil Tahfiz Al-Quran dan lain-lain.

Sehingga kini, Darul Quran telah berjaya melahirkan 1,791 orang huffaz profesional melalui kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut; IIUM, UNITEN, CUCMS, UTeM Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.





DQ Terima Pengiktirafan Malaysia Book Of Records

Tanggal 23 Julai 2019 menjadi detik bersejarah kepada Darul Quran JAKIM apabila menerima pengiktirafan *The Malaysia Book of Records (MBR)* bagi kategori “*Largest Al-Hafiz Quranic Writing Session*” yang membabitkan seramai 731 orang peserta. Sesi penulisan al-Quran ini telah diadakan bersempena dengan Majlis Perasmian Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan dan Ekspo Darul Quran 2019.

Penyerahan sijil pengiktirafan ini telah disaksikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hajah Fuziah Salleh. Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Datuk Paimuzi Yahya yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Peserta program terdiri daripada para pelajar DQ serta institusi tahfiz dari seluruh negara yang menjalinkan kerjasama dengan DQ bagi program Diploma Tahfiz Al-Quran. Penulisan al-Quran bagi kesemua 30 juzu’ yang dilakukan secara hafazan itu berjaya disempurnakan dalam tempoh masa satu jam 30 minit.



Suasana sebelum program Penulisan Al-Quran 30 Juzuk Darul Quran JAKIM bermula. YB Fuziah diiringi Dato' Paimuzi Yahya serta Dr. Haji Nordin Ahmad bergambar bersama dengan sebahagian peserta.



Suasana sebelum program Penulisan Al-Quran 30 Juzuk Darul Quran JAKIM bermula



Puan Siti Hajar Johor dari The Malaysia Book of Records menyampaikan sijil kepada Pengarah DQ, Dr. Haji Nordin Ahmad sambil disaksikan oleh YB Fuziah Salleh dan Dato' Paimuzi Yahya



YB Fuziah Salleh diiringi Dato' Paimuzi Yahya serta Dr. Haji Nordin Ahmad sedang meneliti para pelajar menulis al-Quran.



YB Fuziah Salleh dan Dato' Paimuzi Yahya menyaksikan para pelajar menulis al-Quran

IHTIFAL HUFFAZ & EKSPLO DQ DIRASMI

Tanggal 23 Julai 2019 menjadi tarikh penting apabila Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7 dan Ekspo Darul Quran JAKIM telah dirasmikan pembukaannya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hajah Fuziah Salleh di Dewan Mukhtar Darul Quran. Ihtifal Huffaz dan Ekspo DQ ini telah mula berlangsung semalam; 22 Julai 2019 dan akan berakhir pada 27 Julai 2019.

Pada kejohanan kali ini, sebanyak 26 acara dipertandingkan yang meliputi acara-acara ilmiah atau *ihthifal ilmi* serta acara sukan seperti Tilawah al-Quran Berqiraat, Hafazan al-Quran, Debat Ala Parlimen, Pidato dan Nasyid. Bagi kategori acara sukan pula, acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti Bola Sepak, Bola Jaring, Sepak Takraw, Badminton, Bola Tampar, Ping Pong dan Futsal.

Sebanyak sembilan buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) selain Darul Quran yang terlibat dalam Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 2019 iaitu:

- Institut Al-Quran Darul Aman Kedah (IQDAR);
- Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS);
- Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN);
- Institut Pengajian Islam Terengganu (INSPI);
- Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Pahang;
- Maahad Tahfiz Al-Quran Majlis Agama Islam Kelantan;
- Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak;
- Maahad Tahfiz Al-Quran ADDIN Perak; dan
- Kolej Al-Quran Sayyidina Ali Melaka (KAQSA).

Ihtifal Huffaz ini merupakan program dwi tahunan dengan penganjuran kali pertama diadakan pada tahun 2007. Sementara Ekspo Darul Quran pula diadakan pada setiap tahun bersempena dengan Istiadat Konvokesyen.

YB Hajah Fuziah Salleh turut dibawa melawat tapak ekspo dan pameran selepas selesai Ihtifal Huffaz dirasmikan. Bersempena dengan ekspo Darul Quran tahun ini, buat julung kalinya DQ memperkenalkan ***Rahmatan Konvo Charity Kiosk*** yang mengumpulkan sumbangan-sumbangan orang ramai dalam bentuk pakaian, makanan keperluan asas, permainan kanak-kanak dan lain-lain untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira bangsa serta agama. YB Hajah Fuziah Salleh turut mengambil kesempatan menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

Selain *Rahmatan Konvo Charity Kiosk*, pelbagai lagi acara menarik yang telah diadakan bagi memeriahkan lagi ekspo tahun ini seperti *booth-booth* pameran serta gerai jualan, program Lailatul Quran, Malam DQ Berselawat, Pentas Huffaz Daie, Malam Kesenian Islam, aktiviti berkayak, memanah dan sebagainya.







723 Graduan DQ Dirai Dalam Istiadat Konvokesyen Ke-28

Seramai 723 orang graduan bagi semua program yang ditawarkan di Darul Quran JAKIM telah diraikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Kali Ke-28 yang berlangsung pada 27 Julai 2019 bertempat di Dewan Mukhtar Darul Quran. Majlis yang gilang gemilang ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim.

Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Kali Ke-28 merupakan majlis istiadat kali pertama bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UteM, Program Sijil Asas Tahfiz kategori Muallaf serta Pribumi Sabah Sarawak dan Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid.

Berikut merupakan pecahan bilangan graduan berdasarkan program pengajian yang dijalankan di Darul Quran:

- 521 orang graduan Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat;
- 108 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM;
- 24 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN;
- Seorang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-CUCMS;
- Seorang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM;
- 43 orang penerima Sijil Tamat Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ;
- Lapan orang pelajar Program Sijil Asas Tahfiz; dan
- 17 orang perantis Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid kerjasama antara DQ dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Saudara Muhammad Na'imullah Mat Nadzir dan saudari Iffatun Nisa Abdul Halim dari Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri pada tahun ini. Kerajaan melalui JAKIM akan membiayai sepenuhnya pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi kedua-dua penerima anugerah melalui Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dengan nilai RM50,000 untuk pengajian dalam Negara dan RM140,000 bagi luar Negara.

Sejak penubuhannya pada tahun 1966 hingga 2019, Darul Quran telah melahirkan seramai 8,442 orang graduan huffaz (30 juzu') melalui Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat sama ada dari kampus DQ atau MTQN, Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM, Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN, Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-CUCMS dan Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM.







JALINAN MAHABBAH DI PUSAT PERKEMBANGAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN SERENDAH

Pada 3-4 Ogos 2019, Darul Quran telah mengadakan program Jalinan Mahabbah di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah (PPKKS) secara kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Hulu Selangor. Program ini merupakan program menyantuni kanak-kanak dan remaja yang tinggal di situ untuk mempelajari bidang kemahiran. Program ini diadakan bertujuan supaya para pelajar DQ dapat melatih diri menjadi dai yang hebat pada masa hadapan di samping dapat membantu membimbing adik-adik PPKKS menunaikan solat serta membaca al-Quran dengan betul.

Seramai 40 orang anak-anak PPKKS yang telah menyertai program ini dengan diurus setiakan oleh 30 orang pelajar Darul Quran Syukbah Muamalat. Saudara Muhammad Fikri Zokri dan Saudari Nurul Khalisah Munirah Riffin telah bertindak selaku Pengarah dan Timbalan Pengarah Program. Sementara program ini telah diselia oleh Ustaz Mohd Bilal Abu Hassan, Penolong Pegawai Unit Akademik.

Slot pada hari pertama telah diisi dengan beberapa aktiviti seperti slot *Ice Breaking*, *Spider Web*, "Bagai Menatang Minyak Yang Penuh", "Ayuh Ke Bintang" dan *Explorace*. Sementara pada hari kedua telah diadakan aktiviti Senaman Pagi, Tahsin Bacaan Surah al-Fatihah dan "*Sharing Moment*". Program Jalinan Mahabbah ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Pengajian Umum, Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim. Turut hadir semasa perasmian program ialah Puan Shamsiah binti Ahmad selaku wakil Pengarah PPKKS dan Ustazah Zahrina Haron, Penyelaras Program Khidmat Masyarakat.







Pelajar DQ Santuni Anak-Anak Yatim Asrama Damai Kuang

Pada 3 dan 4 Ogos 2019, pelajar-pelajar Semester 5 Syukbah Syariah Darul Quran telah mengadakan program Jalinan Kasih Asrama Damai Kuang secara kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan IKRAM Hulu Selangor. Program ini diadakan bertujuan untuk melatih para pelajar DQ sebagai daie yang mampu memberikan khidmat bimbingan sama ada dari segi motivasi serta bimbingan bacaan al-Quran di samping bertujuan untuk menyantuni anak-anak yatim dan miskin di Asrama Damai Kuang.

Program yang melibatkan seramai 60 orang anak yatim dan dilaksanakan oleh 47 orang pelajar DQ diketuai oleh saudara Izzuddin Sadikin dan penolongnya Aida Mardhiah Shaiful Bahari. Sementara para pelajar ini telah diselia oleh Ustaz Mohd Khaled bin Abdullah selaku pensyarah maddah. Antara aktiviti dalam program ini ialah slot motivasi, sesi hati ke hati, tahsin bacaan Surah al-Fatihah, solat berjemaah, tazkirah dan sukaneka.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik DQ, Haji Salahuddin Haji Ghozali. Turut hadir semasa perasmian program ialah Penyelaras program khidmat masyarakat, Ustazah Zahrina Haron, serta YDP IKRAM Hulu Selangor, Dr. Mohd Azhar Zailani.





“UHIBBUKI FILLAH” DI RAUDHATULSAKINAH

Pada 20 Ogos 2019, Darul Quran telah mengadakan program “Uhibbuki Fillah” di Raudhatulsakinah secara kerjasama dengan Masjid Wilayah. Program ini merupakan program menyantuni pelatih-pelatih yang sedang dalam proses bimbingan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk melatih para pelajar DQ menjadi dai yang hebat pada masa hadapan di samping secara tidak langsung dapat membantu membimbing para pelatih di Raudhatulsakinah menunaikan solat serta membaca al-Quran dengan betul.

Program ini telah disertai seramai 30 orang pelatih dan dilaksanakan oleh 16 orang pelajar banat Darul Quran Syukbah Qiraat dengan Saudari Ainul Mardhiah Zulkipli telah dilantik selaku Pengarah Program. Sementara program ini telah diselia oleh Ustaz Mohd Bilal Abu Hassan, Penolong Pegawai Unit Akademik.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam program ini ialah slot *Ice Breaking*, *Qailullah*, Solat Berjemaah, “*Kaizen-Srikandi Islam*”, Bimbingan Solat dan Tahsin Bacaan Al-Quran. Al-Fadhil Ustaz Ehsan bin Mohd Hosni selaku Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan telah sudi merasmikan program ini. Turut hadir semasa perasmian program ialah pegawai-pegawai Masjid Negara serta beberapa orang sukarelawan dari universiti.





KUNJUNGAN HORMAT KE MITS SABAK BERNAM

Pada 29 Ogos 2019, Darul Quran telah mengadakan kunjungan hormat ke Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) Sabak Bernam bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan program Tahfiz Turath yang dijalankan oleh sekolah tersebut.

Delegasi DQ telah diwakili oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin, Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Dr. Mohd Zuhdi Ismail, Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi serta Ustaz Azizan Othman, Pegawai Seksyen Pembangunan Kompetensi & Industri. Para pegawai dari DQ ini telah disambut mesra oleh tuan rumah yang diketuai oleh Pengetua MITS Sabak Bernam, Dr. Azamuddin, KPP Bahagian Pendidikan Islam JAIS, Ustaz Anas Ayob serta beberapa orang lagi pegawai dari JAIS Shah Alam.

Para pegawai DQ telah diberikan taklimat berkenaan pelaksanaan program Tahfiz Turath yang disampaikan oleh Ustaz Shukri Ali selaku guru program Tahfiz Turath. Pegawai-pegawai DQ ini juga telah dibawa melawat ke kelas yang melaksanakan program Tahfiz Turath bagi melihat proses pengajaran dan pembelajaran program tersebut. Semoga maklumat yang diperolehi melalui lawatan ini dapat menatijahkan sesuatu yang positif dalam usaha untuk memperkasakan pendidikan tahfiz khususnya di Darul Quran.





SEMARAK KEMERDEKAAN & #QURAN HOUR PERINGKAT DQ

Biarpun setiap hari pelajar Darul Quran perlu mengikuti kelas tasmi' al-Quran dua jam sehari, atas semangat kekitaan bersama umat Islam Malaysia yang lain, DQ turut mengadakan program #QuranHour yang diadakan di tepi Tasik Huffaz DQ. Program yang diadakan pada 30 Ogos 2019 ini sebenarnya merupakan acara pembukaan bagi acara Semarak Kemerdekaan yang disempurnakan oleh Pengarah DQ, Dr. Haji Nordin Ahmad.

Dengan berbusana Melayu lengkap bertengkolok serta berkeris, Dr. Haji Nordin Ahmad telah menyempurnakan simbolik perasmian dengan melekatkan bendera Jalur Gemilang pada kenderaan jabatan sebelum kenderaan jabatan ini mengetuai konvoi beberapa kenderaan pegawai DQ yang lain mengibar Jalur Gemilang sekitar kampus DQ. Para hadirin yang terdiri daripada kakitangan DQ serta para pelajar turut menyanyikan lagu Negaraku serta Jalur Gemilang sebelum bacaan doa dengan tema kemerdekaan dibacakan oleh Ustaz Mohd Hanafi Yusop. Semoga melalui program ini dapat memupuk lagi rasa cinta warga DQ kepada Negara Malaysia.

Di samping itu, beberapa orang kakitangan DQ sedang bergotong-royong memasak juadah tengah hari sebagai jamuan penutup kepada program Semarak Kemerdekaan dan #QuranHour yang dianjurkan di peringkat DQ pada tahun ini. Turut diraikan pegawai-pegawai DQ yang telah bertukar dan akan berpencen.







DQ TERIMA 37 ORANG PELAJAR BAHARU PROGRAM IJAZAH

Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM

Seramai 19 mahasiswa dan 18 mahasiswi baharu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM telah dirai secara sederhana tetapi meriah dalam suatu majlis yang diadakan pada 10 September 2019. Majlis Sambutan Pelajar Baharu yang diadakan di Dewan Mukhtar Darul Quran ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali.

Dalam ucapan perasmianya beliau berkata, *"idea untuk mengadakan kerjasama dengan IPT lain dalam mewujudkan program Ijazah sebenarnya adalah projek rintis Darul Quran dalam usaha mengadakan program Ijazahnya sendiri. Tujuannya, agar al-Quran yang telah dihafaz selama 3 tahun semasa Diploma dapat dimantapkan lagi semasa belajar dalam program Ijazah. Bagi mencapai maksud dan tujuan tersebut, Darul Quran telah memperkenalkan program Quranic Enhancement Programme (QEP)."*

Tambah beliau lagi, *"siswa siswi sekalian perlu sedar bahawa istimewanya Ijazah USIM-DQ ini berbanding IPT-IPT yang lain adalah kerana Hifz al-Qurannya. Maka, besarlah harapan saya agar siswa siswi sekalian dapat memanfaatkan Program QEP ini dengan sebaik-baiknya untuk mengulang dan menghafaz al-Quran kerana objektif penubuhan program Ijazah ini boleh dilihat seolah-olah gagal apabila siswa siswi sekalian tidak menunjukkan komitmen dengan program tersebut."*

Majlis ini berakhir dengan bacaan ikrar oleh para siswa dan siswa baharu serta bacaan doa. Mereka turut akan menjalani orientasi selama tiga hari bermula dari hari pendaftaran.





DAURAH KITAB TURATH: KITAB AL-AKIDAH AL-TAHAWIYYAH

Buat julung kalinya Darul Quran telah mengadakan program Daurah Kitab Turath bagi Kitab Al-Akidah Al-Tahawiyyah yang disampaikan oleh Al-Fadhil Tuan Guru Haji Md Sahari bin Abdullah, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor merangkap Penterjemah Kitab Al-Akidah Al-Tahawiyyah. Program yang diadakan pada 11 September 2019 ini merupakan anjuran bersama dengan Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor.

Program ini telah dimulakan dengan Bacaan Doa dan ucapan aluan yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Kualiti Darul Quran, Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin. Sesi Daurah Kitab telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama pada jam 9:00 pagi hingga 10:50 pagi dan sesi kedua pada jam 11:00 pagi hingga 12:25 tengah hari sebelum sesi soal jawab.

Majlis Penutup telah diadakan seusai sesi soal jawab antara audien dengan Al-Fadhil Tuan Guru Haji Md Sahari. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Musa bin Ranli, Pegawai Daerah Hulu Selangor. Turut hadir dalam majlis ini ialah Pegawai Tadbir Agama Daerah Hulu Selangor, Ustaz Zamzuri bin Ruslan.



74 calon hadiri ujian STM 2019

Seramai 74 orang calon dari pelbagai institusi tahfiz telah menghadiri ujian Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang dijalankan oleh Darul Quran pada 15 Oktober 2019. Sesi ujian melibatkan tiga komponen subjek iaitu Hifz Al-Quran Syafawi (lisan), Hifz Al-Quran Tahriri (bertulis) dan Pengetahuan Agama Islam (bertulis) yang merangkumi soalan Aqidah, Fiqh Ibadah dan Tajwid.

Syarat-syarat permohonan untuk menduduki ujian STM 2019 ialah:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 17 tahun dan ke atas;
- iii. Telah menghafaz 30 juzu' al-Quran; dan
- iv. Mengemukakan sijil hafazan/surat pengesahan hafazan/rekod hafazan.

Ketika ini STM diterima pakai sebagai salah satu “dokumen sokongan” bagi permohonan Guru Tahfiz di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan permohonan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang ditawarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menyambung pengajian.



BAKTI HUFFAZ ANTARABANGSA 2019

Bersempena dengan cuti semester pelajar Diploma, Darul Quran telah mengadakan program Bakti Huffaz Antarabangsa pada 16 hingga 20 Oktober 2019. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Tahfiz Al-Quran Kepri ini diadakan di Dusun Niur, Desa Niur Permai, Kecamatan Moro, Kabupaten Karimun, Kepulauan Riau. Turut menjalinkan kerjasama adalah Batam Quran Centre, Persatuan Kakitangan Pegawai Ugama (PKPU) JAKIM dan Muslim Care Global.

Program ini telah disempurnakan perasmiannya pada 19 Oktober 2019 oleh H.Isdianto, S.Sos. M.M. Gubernur Kepulauan Riau dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Paimuzi Yahya, Pengarah Darul Quran, Dr. Nordin Ahmad, Atase Agama Kedutaan Indonesia serta wakil-wakil dari PKPU JAKIM.

Dalam ucapan perasmiannya, Gubernur Kepri telah menyampaikan rasa terima kasih atas kehadiran anak-anak Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran JAKIM ke Dusun Niur bagi mengadakan program Bakti Huffaz dan berkongsi ilmu tentang al-Quran kepada masyarakat setempat. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa Kepulauan Riau dan Malaysia mempunyai sejarah yang istimewa dan tersendiri.

Dalam majlis yang sama, Dato' Paimuzi Yahya turut menyampaikan 'sumbangan Rahmah' dari Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz DQ (PERKEMAT) dan Muslim Care Global berjumlah RM5,000 bagi membina tempat wuduk Masjid Ashabil Quran yang boleh memuatkan 300 jemaah di Pusat Tahfiz tersebut serta satu unit motosikal Honda untuk pentadbiran Pusat Tahfiz.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang Bakti Huffaz Antarabangsa ini berlangsung ialah gotong-royong membersihkan kawasan rumah keluarga angkat, Konvoi Huffaz, Smart Ibadah serta Tahsin Quran untuk anak-anak penduduk Dusun Niur, [#QuranHour](#) bersama keluarga angkat, sukaneka bersama penduduk dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang lain.



27 Pensyarah DQ-MTQN Menerima Sijil Kursus PdP

Majlis Perasmian Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran (PdP) Siri-5 Dan Majlis Penyerahan Sijil Kursus Pensijilan PdP Siri-4

Seramai 15 orang pensyarah Darul Quran serta 12 orang pensyarah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) telah menerima Sijil Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran (PdP) Siri 4 pada 17 Oktober 2019 bertempat di Auditorium Al-Syafie, ILIM. Majlis yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Paimuzi Yahya ini diadakan bersekali dengan Majlis Perasmian Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran (PdP) Siri-5 yang diadakan pada 14 hingga 25 Oktober 2019. Sementara para peserta kursus bagi siri ke-4 yang diraikan ini pula telah telah mengikuti kursus pada 15 hingga 26 Oktober 2018.

Menurut Dato' Paimuzi Yahya, *"pada tanggal 14 Februari 2017, suatu MoU telah ditandatangani antara DQ dan UPSI bagi menjalankan kerjasama strategik dalam memartabatkan pendidikan tahfiz di negara ini. Manifestasi daripada perjanjian ini, maka Kursus Pensijilan Pembelajaran Dan Pengajaran kepada pensyarah DQ dan MTQN secara rasminya telah dilaksanakan."*

"Kursus seumpama ini adalah selari dengan hasrat DQ untuk memperkasakan kompetensi pensyarah dengan melahirkan tenaga mahir dalam pengurusan organisasi dan kepimpinan instruksional, di samping memperkasa kefahaman pensyarah terhadap strategi pembelajaran dan pengajaran yang bersifat arus perdana," kata beliau.

Menurut beliau lagi, *"pelaksanaan kursus ini juga adalah merupakan suatu keperluan oleh pihak MQA (Malaysian Qualification Agency) bagi memastikan kualiti pendidikan yang diberi dijamin standard dan kualitinya."*

"Bagi mencapai maksud dan tujuan tersebut, para pensyarah harus diberi pendedahan tentang peranan sebenar pensyarah, dalam mendepani bidang pendidikan tinggi masa kini, serta melengkapkan diri dengan ilmu pedagogi yang lebih prihatin kepada ciri-ciri pelajar masa kini, agar proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mengikut standard sistem pengajian tinggi."

Majlis Perasmian Kursus Pensijilan PdP Siri-5 dan Majlis Penyerahan Sijil Kursus Pensijilan PdP Siri-4 ini turut dihadiri oleh Pengarah Kanan ILIM, Dato' Selamat Paigo dan Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPSI, Profesor Madya Dr. Syakirah Samsudin.





Persidangan Pengetua-Pengetua MTQN kali ke-37 di Negeri Sembilan

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan kali ke-37 yang diadakan pada 22–24 Oktober 2019 di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan telah dihadiri oleh wakil-wakil dari 11 institusi tahfiz seluruh negara. Persidangan kali ini merupakan anjuran bersama antara Darul Quran JAKIM dan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun telah hadir merasmikan persidangan ini serta menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Darul Quran dan ITQAN. Turut hadir menyerikan majlis ini ialah Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Mohamad Nordin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Paimuzi Yahya dan Pengarah JHEAINS, Tuan Mohd Zaidi Ramli.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin Ahmad. Selain itu, ahli persidangan turut dibawa melawat ke Masjid Sri Sendayan dan Balai Cerap Teluk Kemang, Port Dickson. Objektif utama persidangan ini ialah:

- i. Menyampaikan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Darul Quran dan membincangkan langkah-langkah pelaksanaan dasar-dasar tersebut;
- ii. Menyelaraskan aktiviti akademik dan peperiksaan antara Darul Quran dan MTQN;
- iii. Menyampaikan pandangan dan cadangan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan Tahfiz al-Quran; dan
- iv. Merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara Darul Quran dan MTQN sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah atau pelajar.

Sebanyak 13 kertas cadangan, laporan dan makluman telah dibentangkan dalam persidangan ini yang dapat dirumuskan seperti berikut :

- Penambahbaikan berterusan adalah keperluan dalam meningkatkan kualiti program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat antaranya melalui pelaksanaan Penilaian Kendiri. Penilaian sendiri ini merupakan perkara yang penting bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap elemen-elemen yang telah ditentukan oleh pihak Malaysians Qualifications Agency (MQA) selain sebagai sokongan kepada pelaksanaan penaziran akademik.

- Kajian dan penyelidikan yang dapat meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz di institusi hendaklah disemarakkan dari masa ke masa samaada dari inisiatif institusi mahupun kerjasama dengan pihak lain.
- Tenaga Pengajar yang berkualiti adalah elemen paling penting dalam menentukan kejayaan program Diploma Tahfiz ini. Oleh itu, program latihan hendaklah sentiasa diadakan dari masa ke masa termasuk meneruskan program kursus Persijilan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang telah memasuki siri yang ke-5. Peluang-peluang kursus di luar negara juga boleh diperkasakan pada masa akan datang dengan penglibatan yang lebih besar dalam kalangan tenaga pengajar di Institusi Tahfiz.
- Standard Guru Tahfiz akan dibangunkan mulai tahun 2020 yang akan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam bidang tahfiz al-Quran khususnya wakil-wakil dari MTQN.
- Kaedah hafazan Al-Quran sememangnya menjadi faktor penting dalam kejayaan hafazan pelajar Tahfiz. Penerokaan kaedah-kaedah baru seperti Karantina dari Indonesia boleh diadaptasikan mengikut kesesuaian sebagai sokongan dengan kaedah yang sedang dilaksanakan pada masa ini.
- Penyambungan pengajian pelajar Tahfiz ke institusi luar negara dalam bidang Qiraat selain Syubra di Mesir boleh dikembangkan khususnya ke Universiti WISE di Jordan dan juga di Universiti Islam Madinah.
- Menyedari keperluan menyediakan pelajar tahfiz dengan pelbagai kemahiran khususnya TVET, pihak institusi boleh merancang program dan kursus yang bersesuaian untuk dilaksanakan khususnya secara kerjasama dengan agensi atau rakan strategik yang lain.







DUTA BESAR MALAYSIA KAHERAH MENYANTUNI PELAJAR AL-AZHAR DALAM PROGRAM MOTIVASI DAN PERTEMUAN ALUMNI DQ

Seramai 200 orang pelajar dari pelbagai bidang pengajian di Mesir hadir ke Program Motivasi Dan Pertemuan Alumni DQ. Program yang berlangsung pada 31 Oktober 2019 ini telah diadakan di Dewan Malaysia Abasiah Kaherah.

Selepas bergraduasi di DQ, para alumni ini telah menyambung pengajian di Mesir antaranya di Institut Tinggi Al-Quran & Ulum Al-Quran atau dikenali sebagai Maahad Qiraat Shoubra, Kuliah-Kuliah Pengajian Islam di Universiti Al-Azhar dan Kuliah Perubatan Al-Azhar.

Program Alumni ini merupakan program anjuran Alumni Darul Quran JAKIM dengan kerjasama menyeluruh dari Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK), Education Malaysia Egypt (EME), Atase Melaka, Atase Negeri Sembilan, Atase Kedah, Atase Sabah dan Persatuan Pelajar Shoubra Kaherah.

Antara pengisian dalam program ini adalah Slot Perkongsian Teknik Pengajian Ilmu Qiraat Dan Disiplin Penuntut Ilmu, Slot Perkongsian Alumni Pasca Graduasi serta Slot Ramah Mesra Bersama TYT Amb Duta Besar Malaysia Kaherah Mesir.

Ucapan penghargaan terima kasih tidak terhingga kepada TYT Amb Tuan Haji Mohd Hanif Abdul Rahman, Pengarah EME, Tuan Haji Aizal Anual serta seluruh barisan pengurusan KBMK dan EME Kaherah dalam menjayakan program alumni ini.





BUKU KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN MODEL MALAYSIA SELESAI DILANCAR

Buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia terbitan Darul Quran selesai dilancar dalam Majlis Perasmian Konvensyen Huffaz Peringkat Kebangsaan JAKIM-UNITEN pada 6 November 2019 bertempat di Dewan Seri Sarjana Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Datuk Seri Dr. Mujahid berkata dalam ucapan perasmiannya: *“Bagi mengasimilasikan bidang tahfiz dengan bidang akademik agar anak-anak orang Islam di Malaysia tidak ketinggalan dari sudut pendidikan arus perdana, maka kita bangunkan model tahfiz kita sendiri yang dipanggil “Model Malaysia”. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Darul Quran atas usaha mendokumenkan buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia dengan bantuan pakar-pakar al-Quran yang terdiri dari para pensyarah universiti serta masyaikh-masyaikh dari institusi tahfiz dalam negara. Semoga buku ini menjadi batu loncatan kepada banyak lagi kajian-kajian baharu selepas ini yang akhirnya sudah pasti akan memantapkan lagi bidang pendidikan tahfiz dalam negara.”*

Buku ini mengandungi tujuh bab iaitu:

- Bab 1: Sejarah Hafazan Al-Quran pada Zaman Rasulullah SAW dan Para Sahabat
- Bab 2: Kepentingan dan Kelebihan Menghafal Al-Quran
- Bab 3: Kaedah-Kaedah Hafazan Al-Quran di Dunia
- Bab 4: Kajian Terhadap Prinsip Asas dan Metodologi Hafazan al-Quran
- Bab 5: Sains Neurologi dalam Kaedah dan Teknik Hafazan al-Quran
- Bab 6: Hafazan Al-Quran: Amalan Darul Quran, Jakim
- Bab 7: Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia

Sebagai usaha menghasilkan kaedah hafazan al-Quran model Malaysia yang terbaik, Darul Quran turut melibatkan beberapa orang pakar al-Quran dari beberapa universiti dan institusi tahfiz dalam negara. Antara pakar-pakar yang terlibat dalam proses kajian buku ini ialah Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abd Ghani, Profesor Madya Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamad, Profesor Madya Fakulti Pengajian Quran & Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Sedek bin Ariffin, Pensyarah Fakulti al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya (UM) dan Syeikh Abdelmohaimen Sayed Aly Abdelmagid, Timbalan Pengetua Ma’had Tahfiz Ismail Bandar Puncak Alam Selangor.

Salinan lembut buku Buku Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia ini boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi Darul Quran JAKIM melalui pautan ini:

<http://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?id=334>





KONVENSYEN HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN JAKIM-UNITEN 2019

Dengan bertemakan "Melonjak Paradigma Huffaz Profesional", Konvensyen Huffaz Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 anjuran JAKIM dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah berjaya diadakan pada 6 November 2019. Kelainan konvensyen pada kali ini berbanding konvensyen lain anjuran DQ ialah keutamaan penyertaan konvensyen yang melibatkan golongan pelajar dalam bidang Tahfiz Sains. Konvensyen ini telah diadakan bertempat di Dewan Seri Sarjana UNITEN dengan majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof. Sementara ucap tama konvensyen yang bertajuk "Dasar Kerajaan Ke Arah Pemeraksanaan Pendidikan Tahfiz Al-Quran" telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Paimuzi Yahya.

Turut hadir dalam majlis perasmian konvensyen ini ialah Naib Canselor UNITEN, Profesor Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Penyelidikan) UNITEN, Profesor Siti Salbiah Mohammed Shariff. Dalam majlis ini, UNITEN turut menobatkan Saudari Nurul Husna Zainal Abidin sebagai Ikon Huffaz Profesional UNITEN 2019.

Antara slot yang menjadi agenda aturcara konvensyen huffaz JAKIM-UNITEN ini ialah Forum "Huffaz Profesional Model Malaysia" dengan dibarisi oleh panelis-panelis yang membawa tajuk masing-masing seperti berikut:

- Prof. Madya Dr. Abdul Aziz bin Mat Isa, Pengarah Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN yang membahaskan tajuk "Penerokaan Kerjasama Strategik di Peringkat Serantau dan Antarabangsa";
- Dr. Ismarulyusda binti Ishak, Pusat Sains Kesihatan dan Gunaan Fakulti Sains Kesihatan UKM yang membahaskan tajuk "Impak Hafazan Al-Quran Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Mental"; dan
- Dato' Dr. Zulkifli bin Haji Ali, Ketua Eksekutif Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Pahang yang membahaskan tajuk "Model Pengurusan Institusi Tahfiz Cemerlang".

Bagi sesi pembentangan "Inovasi Kaedah Hafazan Al-Quran Dan Kepentingannya" pula, sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

- Kertas Kerja 1: Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia: Pengalaman Darul Quran yang disampaikan oleh Ustaz Muhamad Toriq bin Yaacob, Penolong Pengarah Unit Penyelidikan & Inovasi DQ;

- Kertas Kerja 2: Sistem Hafazan Al-Quran Turki Uthmani yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Muhammad Anas bin Aman, Guru Tahfiz Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Malaysia; dan
- Kertas Kerja 3: Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Perkongsian Pengalaman Karantina Tahfiz Malaysia yang disampaikan oleh Puan Hajah Siti Sarah binti Abdul Rahman, wakil ARTAB Sdn. Bhd. merangkap Karantina Tahfiz Malaysia.







Bengkel Asas Kemahiran Bola Tampar DQ-MTAF

Pada 12 Disember 2019, bertempat di Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu, para pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah USIM-DQ telah mengadakan satu Bengkel Kemahiran Asas Sukan Bola Tampar. Program yang bertemakan "*Volleyball: We Serve, We Love*" berlangsung selama satu hari itu melibatkan seramai 27 orang peserta terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Fateh, Batang Kali dan juga 23 pelajar-pelajar Semester Satu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah USIM-DQ sebagai fasilitator.

Program ini merupakan projek akhir ko-kurikulum pelajar ijazah semester satu dan menjadi salah satu pra syarat pelajar untuk mendapat markah bagi kursus CSC 1032 Bola Tampar. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk melahirkan huffaz yang aktif dalam ko-kurikulum serta memberi pendedahan terutamanya dalam asas permainan bola tampar di samping membina jambatan ukhuwah di antara Darul Quran dengan maahad-maahad tahfiz swasta.

Program luar kuliah seperti ini juga dilihat dapat mendekatkan mahasiswa dengan masyarakat supaya mampu menjana sikap kesukarelawanan dalam diri mereka sekaligus melahirkan huffaz yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga cemerlang dalam ko-kurikulum.

Majlis perasmian penutup serta penyampaian sijil dan hadiah telah disempurnakan oleh Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim selaku Ketua Jabatan Pengajian Umum dengan diiringi oleh Ustaz Wan Ahmad Ikram bin Wan Mohamed, Pensyarah Kursus Bola Tampar. "*Seorang huffaz mestilah bersukan kerana akal yang sihat itu datangnya dari badan yang sihat. Akal yang sihat dan cerdas dapat memudahkan para huffaz untuk menghafaz al-Quran*", kata Ustaz Ahmad Dasuki dalam ucapan penutupnya. Turut hadir dalam program ini ialah Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Fateh (MTAF) iaitu Ustaz Muhammad Misri bin Yahya dan Ustaz Abdul Mun'im Afifi bin Abdul Hamin selaku Penolong Kanan Ko-Kurikulum MTAF.





Majlis Penyerahan Perantis SKM Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 Kepada Masjid JAIS

Pada 2 Disember 2019, Darul Quran telah mengadakan Majlis Penyerahan Perantis Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Majlis ini telah dihadiri oleh wakil Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid JAIS, Ustaz Mohd Khair Zainal dan pengurus-pengurus masjid yang terlibat.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin Ahmad. Beliau yang dalam ucapannya merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak JAIS kerana bersedia membuka ruang untuk bekerjasama menjalankan program SKM Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 yang pertama di Malaysia. Setakat ini belum ada lagi mana-mana masjid yang menjalankan program ini dan JAIS telah memulakan langkah ini bersama Darul Quran.

“Darul Quran adalah agensi yang pertama di Malaysia yang menjalankan program ini yang mana bertujuan melahirkan petugas muda masjid yang kompeten lagi berketerampilan. Program kerjasama dengan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) ini bermula pada tahun 2015 dengan pengambilan seramai 20 orang perantis dan pelajar yang diraikan hari ini adalah kohort ke-4 program SKM tahap 3.”

Alhamdulillah, sehingga tahun ini DQ telah melahirkan seramai 43 orang graduan SKM tahap 3 dan 23 orang graduan DKM tahap 4. Kerjasama dengan pihak JAIS pula telah bermula sejak tahun 2017 lagi apabila pelajar SKM memulakan latihan praktikal di masjid-masjid JAIS selama 3 bulan.

Bermula pada pengambilan Jun 2019, Pusat Latihan Darul Quran telah mendaftarkan empat buah Masjid JAIS sebagai Syarikat Kerjasama bagi pelaksanaan SKM Bidang Pengurusan Masjid iaitu Masjid Al Husna Bandar Sunway, Masjid Jamek Ar Rahimiah Klang, Masjid Diraja Sultan Suleiman Klang dan Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.

Setiap masjid akan menerima lima orang perantis untuk menjalani latihan praktikal berdasarkan Kutikulum Sistem Latihan Dual Nasional (K-SLDN). Melalui kaedah ini, pelajar dapat menimba ilmu dan pengalaman di medan yang sebenar setelah mengikuti latihan teori

di DQ sejak Jun yang lalu. Dalam tempoh 10 bulan di masjid, perantis akan dibimbing sepenuhnya oleh *coach* berpengalaman dan mereka turut dinilai berdasarkan Kaedah Penilaian SLDN yang telah ditetapkan mengikut standard bagi melahirkan pekerja mahir.



